



PETIKAN TITAH



Alhamdulillah, kita dapat lagi menyambut 'Idil Adha yang mulia dalam suasana aman lagi sejahtera. Suasana aman adalah kurnia paling berharga, yang bukan semua tempat di dunia dapat menikmatinya. Oleh itu, marilah sama-sama kita memeliharanya dengan penuh tanggungjawab sambil bersyukur.

Sekarang, berbangkit fenomena pemanasan global yang membawa impak besar kepada kehidupan, disamping juga tidak kurang merunsingkan ialah isu meningkatnya penyakit mental. Tahap pemanasan melampau boleh membawa kesan yang sangat buruk seperti kematian, penyakit kronik, kehilangan pendapatan dan kurang bekalan air serta makanan.

Sementara itu, turut menambahkan lagi keimbangan ialah apabila baru-baru ini, sempena menyambut Hari kesihatan Mental Sedunia 2022, telah dianggarkan, bahawa beban kesihatan mental di peringkat global adalah semakin meningkat. Di Negara Brunei Darussalam, pada tahun 2021 sahaja, sebanyak 1,515 individu telah diagnosis dengan *anxiety disorder* dan lebih dari 900 individu didapati mengalami *depressive disorder*.

Maka beta melihat, kedua-dua isu: Pemanasan Global dan meningkatnya penyakit mental, perlulah sama-sama diberi perhatian mendalam oleh semua pihak. Pihak berwajib hendaklah menyediakan garis panduan dan nasihat, bagaimana cara untuk menghadapi fenomena ini dan apa cara atau terapi untuk mengelak dan mengubati penyakit mental.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillahil Hamd.

Beta juga berharap, supaya para jema'ah haji kita di Tanah Suci akan bersama-sama mengambil ingatan bagi melindungi diri masing-masing daripada kesan pemanasan melampau yang menjelaskan kesihatan dan keselamatan. Semoga mereka akan sentiasa mendapat perlindungan dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala di sepanjang kerja-kerja haji, serta juga akan beroleh haji yang mabruur. Amin.

TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

**PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SEMPENA HARI RAYA 'IDIL ADHA TAHUN 1444H / 2023M

SIDANG EDITORIAL CANANG

Penasihat:

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

Pengerusi:

Yang Mulia Awang Amirul Shukri bin Haji Hafneh
Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan

Pengarang/Sumber Berita:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Jabatan Penerangan

Susun Atur dan Penyelaras

Unit Perhubungan Awam
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Penyunting

Yang Mulia Dayang Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha
Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka

Pruf dan Penyemakan:

Yang Mulia Awang Suip bin Haji Abd bin Haji Abd Wahab
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Fotografi:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat

Terima Kasih atas Ihsan foto kepada:

Jabatan Penerangan

DBP TERIMA SUMBANGAN BUKU



Bandar Seri Begawan, Khamis, 12 Zulkaedah 1445 / 1 Jun 2023 - Dalam usaha berterusan bagi memupuk budaya membaca di negara ini, Dewan Bahasa dan Pustaka melalui Bahagian Perpustakaan menerima sumbangan buku dari Kedutaan Besar Republik Turkiye dan sekaligus menambah bahan bacaan serta koleksi Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sehubungan itu, Majlis Perasmian Sudut Bacaan Turkiye yang berlangsung di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka disempurnakan oleh Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sumbangan buku diserahkan oleh , Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamid Ersoy, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam kepada Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir, pegawai-pegawai dari Kedutaan Republik Turkiye, pemangku-pemangku pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka. Sebanyak 48 buah buku di-sumbangkan yang merangkumi pelbagai topik seperti sejarah, ekonomi, politik, teknologi, seni dan budaya.

Sumbangan buku dari Kedutaan Republik Turkiye diharapkan akan dapat memperkayakan sumber bacaan mengenai Turkiye di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka dan seterusnya membolehkan lebih ramai pengguna perpustakaan untuk mengetahui tentang sejarah serta ekonomi Turkiye. Selain itu, untuk mengukuhkan kerjasama dua hala di antara Kedutaan Republik Turkiye dan Negara Brunei Darussalam.

MAJLIS MENGAGAI CALON PENERIMA ANUGERAH PENULIS ASIA TENGGARA BAGI TAHUN 2022



Sengkurong, Khamis, 12 Zulkaedah 1444/1 Jun 2023 -

Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan bertanggungjawab selaku Urus Setia Anugerah Penulis Asia Tenggara (The S.E.A. Write Award) bagi Negera Brunei Darussalam .

Setiap tokoh penerima anugerah yang dipilih oleh panel penilai di negara masing-masing, dinilai berdasarkan hasil karya yang telah terbit mengikut genre yang ditetapkan oleh pihak pengajur di Bangkok, Thailand.

Seorang lagi penulis tanah air diangkat dan diiktiraf untuk menerima anugerah berprestij iaitu Anugerah Penulis Asia Tenggara.

Panel Penilai Anugerah Negara Brunei Darussalam telah bersepakat untuk memilih Kumpulan Sajak Cintaku di Ufuk Timur yang sekali gus mengangkat penulisnya, Yang Mulia Pengiran Haji Shamsu bin Pengiran Haji Kadar dengan nama pena beliau, Pengiran Haji Shamsu Pengiran Haji Kadar sebagai calon penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara bagi Negera Brunei Darussalam, Tahun 2022.

Yang Mulia, Pengiran Haji Shamsu Pengiran Haji Kadar mula menceburkan diri dalam bidang penulisan pada tahun 1960-an dengan menguasai beberapa genre seperti puisi, esei dan kritikan sastera.

Antara karya perseorangan beliau ialah Sajak-Sajak Adi Kelana : Satu Analisa Skruktur (2002); Syair Sekilas Pandang (2013); Kumpulan Puisi Ombak Menghempas Pantai (2013); Kumpulan Pantun Nostalgiku Abadi, Pantunku Dipantuni (2016); Kumpulan Puisi Gurindam 32 (2017) dan Kumpulan Sajak Cintaku di Ufuk Timur (2021).

Majlis Mengagai calon penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara bagi tahun 2022 diadakan hari ini bertempat di rumah kediaman calon penerima di Kampung Selayun, Sengkurong 'B'.

Majlis merupakan penghargaan dan pemakluman awal mengenai pengiktirafan Pengiran Haji Shamsu sebagai calon penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara, 2022.

Rombongan mengagai diketuai oleh Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir ialah, Yang Mulia Awang Suip bin Haji Abdul Wahab, Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka; Yang Mulia, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit, Pemangku Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka; Pegawai-pegawai Kanan Dewan Bahasa dan Pustaka; Panel Penilai Anugerah Penulis Asia Tenggara dan Urus Setia Unit Pengiktirafan.

MAJLIS PERASMIAN SUKAN PARA ASEAN KE-12, PHNOM PENH, KEMBOJA



MAJLIS PEMBUKAAN RASMI SUKAN PARA ASEAN KE-12

Ahad, 03 Jun 2023 di Morodoc Techo National Stadium, Cambodia

Phnom Penh, Kemboja , Sabtu, 14 Zulkaedah 1444/3 Jun 2023 – Temasya Sukan Para ASEAN Ke-12, 2023, membuka tirainya dengan penuh gilang-gemilang dan berwarna-warni malam tadi bertempat di Morodok Techo National Stadium.

Negara Kemboja sekali lagi buat pertama kalinya menjadi tuan rumah bagi temasya sukan para di Asia Tenggara ini.

Tuan Yang Terutama Pengiran Kasmirhan bin Pengiran Tahir, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Kerajaan Kemboja turut hadir ke Majlis Perasmian Sukan Para ASEAN ke-12, 2023.

Yang Mulia Awang Shari bin Haji Jumaat iaitu atlet Sukan Para Olahraga diberikan penghormatan sebagai pemegang bendera Negara Brunei Darussalam bagi acara baris lalu para kontinjen negara semasa upacara majlis pembukaan berkenaan.

Seramai 2000 orang delegasi yang terdiri daripada atlet-atlet dan pegawai-pegawai daripada 11 negara-negara Asia Tenggara menyertai temasya sukan dwi tahunan berkenaan yang mempertandingkan sebanyak 12 sukan yang mengandungi 439 acara.

Upacara Pembukaan Rasmi Sukan Para ASEAN Ke-12, 2023 dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Samdech Techo Hun Sen, Perdana Menteri Kemboja.

Ucapan alu-aluan disampaikan Tuan Yang Terutama Hun Many, selaku perwakilan 12th ASEAN Para Games Organising Committee dan seterusnya ucapan alu-aluan kedua oleh Presiden ASEAN Para Sports Federation.

Yang Mulia Awang Haji Ali Yusri bin Abdul Ghafor selaku Chef de Mission mengetuai kontinjen Negara Brunei Darussalam seramai 23 orang terdiri daripada 11 Pegawai Urus Setia / jurulatih / perubatan dan 12 atlet daripada 3 jenis sukan, iaitu Sukan Para Olahraga; Sukan Para Badminton dan Sukan Para Renang.

Upacara berkenaan dimeriahkan lagi dengan persembahan 'Khmer Heart' diikuti dengan touch relay dan cauldron lighting dan persembahan bunga api.

VOLT RUN 2023 : APEX

Bandar Seri Begawan, Ahad, 15 Zulkaedah 1444/4 Jun 2023 - Yang Mulia, Ruzaini Mahadi dan Yang Mulia, Siti Nur Amirah binti A.Zaini masing-masing muncul johan sekali gus membawa pulang wang tunai berjumlah BND300 pada acara Volt Run: Apex yang berlangsung pagi tadi di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.

Naib johan bagi Kategori Lelaki Terbuka 11 kilometer dimenangi oleh Yang Mulia, Muhammad Amirul Hamdi bin Jamil dan tempat ketiga diberikan kepada Yang Mulia, Muhammad Haziq Syazwan bin Hermanti.

Sementara bagi Kategori Wanita Terbuka 11 km, naib johan diraih oleh Yang Mulia, Erin Liam dan tempat ketiga dimenangi oleh Yang Mulia, Nur Farazida Abdullah.

Naib johan membawa pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah BND200 dan tempat ketiga membawa pulang juga hadiah berupa wang tunai berjumlah BND100.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Acara merupakan salah satu wadah untuk mengamalkan cara hidup yang sihat yang turut memeriahkan lagi suasana Bandar Ku Ceria (BKC) yang diadakan pada setiap pagi Ahad.

Terlebih dahulu, acara pelepasan larian sejauh 11 km disempurnakan oleh Yang Mulia, Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukinan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Acara juga diserikan dengan Fun Run sejauh 5 km yang mana acara pelepasannya disempurnakan oleh Yang Mulia, Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Lebih 300 peserta menyertai Volt Run: Apex anjuran Mortar Events dan disokong oleh RYS Entertainment, Dynamic Sports, RanoAdidas, Rainfresh, ChipMac, Youc1000, Platinum Fitness Studio and Boeffi.



PINGAT PERTAMA GANGSA NEGARA BAGI SUKAN PARA ASEAN KE-12, PHNOM PENH, KEMBOJA



Phnom Penh, Kemboja, Ahad, 15 Zulkaedah 1444/4 Jun 2023

– Yang Mulia, Shari bin Haji Jumaat, Atlet Para Olahraga negara, berjaya menyumbang pingat gangsa pertama bagi Negara Brunei Darussalam pada temasya Sukan Para ASEAN KE-12, 2023 yang berlangsung di Morodoc Techo National Stadium, Phnom Penh, Kemboja.

Pingat gangsa yang diraih oleh Yang Mulia Awang Shari diperolehi melalui acara Men's Discus (F55) setelah berjaya mencatat jarak lontaran 25.36 meter dan memecah rekod kebangsaan sekali gus rekod peribadi beliau.

Yang Mulia Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor, Chef de Mission berkesudian menyempurnakan penyampaian maskot-maskot kepada para pemenang dalam acara Men's Discus.

Pingat Emas diraih oleh Yang Mulia, Riadi Saputra dari Indonesia dengan 33.36 meter manakala pingat Perak diraih oleh Yang Mulia, Kieu Minh Trung dari Vietnam dengan 27.49 meter. Seramai 5 orang atlet bertanding dalam acara tersebut.

Pada temasya Sukan Para ASEAN ke-11, Solo Indonesia 2022, Yang Mulia Awang Shari juga Berjaya meraih pingat gangsa bagi acara yang sama.

PINGAT EMAS PERTAMA BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA TEMASYA SUKAN PARA ASEAN KE-12, 2023

Phnom Penh, Kemboja, Isnin, 16 Zulkaedah 1444/5 Jun 2023

– Yang Mulia Dayang Nor Hensan binti Awang Haji Mataha, Atlet Para Olahraga negara telah berjaya menyumbang pingat emas bagi Negara Brunei Darussalam.



Pingat emas yang diraih oleh Yang Mulia Dayang Nor Hensan diperolehi melalui acara Lontar Peluru Wanita (F11) setelah berjaya mencatat jarak lontaran 7.00 meter.

Yang Mulia Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor, Chef de Mission berkesudian menyempurnakan penyampaian pingat-pingat kepada para pemenang dalam acara Lontar Peluru Wanita (F11).

Pingat Perak pula diraih oleh Yang Mulia Ratnaningsih dari Indonesia dengan 6.81meter manakala pingat Gangsa diraih oleh Yang Mulia Nguyen Thi Chin dengan 6.10 meter. Seramai 5 orang atlet bertanding dalam acara tersebut.

• •

BINCANG ISU SEMASA DALAM PERKUKUHAN HUBUNGAN KOREA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



Tungku, Selasa, 17 Zulkaedah 1444/6 Jun 2023 - Kedutaan Republik Korea di Negara Brunei Darussalam, dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam buat julung kalinya menganjurkan Perbincangan Meja Bulat Republik Korea-Brunei Darussalam Bersama Rakan Asia Tenggara (Republic of Korea-Brunei Darussalam Roundtable with Friends of Southeast Asia), bertujuan untuk membincangkan isu semasa yang relevan dalam memperkuuh hubungan Republik Korea dan Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Tuan Yang Terutama Kim Soung-eun, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, dan Tuan Yang Terutama Suh Chung Hsam, mantan Duta Besar Republik Korea ke Republik Singapura, serta Yang Mulia Dr. Joyce Teo Siew Yean, Penolong Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (Hal Ehwal Global).

Dalam ucapan perasmiannya, Yang Mulia Dr. Joyce Teo Siew Yean menyatakan bahawa melihat ke masa hadapan, terdapat banyak bidang berpotensi kerjasama antara agensi dan institusi termasuk universiti di Asia Tenggara dan Republik Korea dalam bidang teknologi dan inovasi serta pendidikan dan pertukaran budaya.

Perbincangan meja bulat berkenaan menampilkan dua pembentangan khas yang disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Suh Chung Ha, mantan Korea-ASEAN Solidarity Initiative (KASI); dan Profesor Kim Hyung Jong dari Jabatan Perhubungan Antarabangsa, Universiti Yonsei mengenai hubungan Korea-Brunei dalam konteks hubungan ROK-ASEAN.

Ini diikuti dengan pelbagai topik perbincangan dalam kalangan pakar bidang yang terdiri daripada pegawai kanan Kerajaan Brunei, pakar industri dan ahli akademik yang mengetengahkan pelbagai aspek hubungan Korea-Brunei dari masa depan dan bidang baharu yang muncul dalam sektor digital dan pendidikan, pelancongan dan budaya, serta serantau dan pelbagai cabaran global.

Para ahli panel yang membincangkan bidang masa depan dan bidang baharu muncul dalam sektor digital dan pendidikan terdiri daripada Yang Mulia Dr. Mohamad Saiful bin Haji Omar, Penolong Naib Canselor (Industri dan Perkhidmatan), Universiti Teknologi Brunei; Yang Mulia Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Abdul Latiff Abbas, Pengerusi, The InfoCom Federation Brunei; Yang Mulia Daniel Leong, Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei dan Darussalam Enterprise; dan Yang Mulia Dr. Juraidah binti Haji Musa, Penolong Profesor (Teknologi Pendidikan) dan Ketua Program (Perkongsian Sekolah) Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam.

Sesi panel berkenaan dikendalikan oleh Profesor Ahmed Masood Khalid dari Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Brunei Darussalam.

Sementara itu, pada sesi panel pelancongan dan kebudayaan yang dikendalikan oleh Yang Mulia Dangku Dr. Noor Hasharina binti Pengiran Haji Hassan, Pengarah Institut Pengajian Asia, Universiti Brunei Darussalam, ahli-ahli panel diwakili oleh Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Shofry bin Haji Abdul Ghafor, Presiden Brunei Art Forum; Yang Mulia Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri, Presiden Brunei Korea Association for Friendship; dan Yang Mulia Gabriel Yong Yit Vui, Ketua Program (Geografi, Alam Sekitar dan Pembangunan) Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam.

Panel terakhir yang membincangkan mengenai pelbagai cabaran serantau dan global, dikongsi oleh Yang Mulia Pengiran Dr. Mohd Hafizh bin Pengiran Haji Hashim, Penolong Pensyarah, Akademi Pengajian Brunei, UBD; Yang Mulia Dr. Azmi bin Mohamad mewakili Institut Dasar dan Kajian Strategik Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; dan Yang Mulia Lim Hung Ming, Penolong Pengarah Jabatan ASEAN, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Panel berkenaan dikendalikan oleh Yang Mulia Profesor Ahmed Masood Khalid.

Universiti Brunei Darussalam telah lama menjalin hubungan rapat dalam kerjasama akademik dengan universiti di Republik Korea, dengan sebanyak 27 universiti rakan kongsi di Korea dan beberapa lagi melalui perkongsian pelbagai hala dalam Rangkaian Universiti ASEAN (ASEAN University Network (AUN) + 3, Mobiliti Antarabangsa Asia untuk Pelajar (Asian International Mobility for Students - AIMS) dan rangkaian Mobiliti Universiti di Asia dan Pasifik (University Mobility in Asia and the Pacific - UMAP).


Dua dwi ijazah ditubuhkan antara Universiti Brunei Darussalam dan universiti terkemuka di Korea : dwi Ijazah Sarjana dan PhD dalam biodiversiti antara Fakulti Sains Universiti Brunei Darussalam dan Korea University's College of Life Sciences and Biotechnology dan dwi Ijazah Sarjana dan PhD dalam Kejuruteraan Industri antara Universiti Brunei Darussalam Faculty of Integrated Technologies dan Sungkyunkwan's (SKKU) College of Engineering.

Di bawah program Discovery Year Universiti Brunei Darussalam, mahasiswa tahun ke-3 diberi peluang (daripada program ijazah 4 tahun) menghabiskan masa setahun di luar universiti, dan Universiti Brunei Darussalam menghantar lebih 1,000 pelajar ke Korea sejak 2011.

Bahasa Korea turut diajar di Pusat Bahasa Universiti Brunei Darussalam dan merupakan salah satu bahasa paling popular yang diambil oleh pelajar dan orang awam.



ATLET PARA OLAHRAGA RAIH 3 PINGAT PADA TEMASYA SUKAN PARA ASEAN KE-12, 2023



Phnom Penh, Kemboja, Selasa, 17 Zulkaedah 1444/6 Jun 2023 - Kontinjen negara ke Sukan Para ASEAN (APG) 2023 tidak mengecewakan apabila meraih tiga lagi pingat iaitu dua emas dan satu perak di bumi Kemboja.

Pingat emas telah diraih oleh Yang Mulia Awang Raduan bin Awang Haji Mataha, atlet Olahraga bagi kategori Shot Put Men F11 dengan mencatat jarak lontaran sebanyak 7.75 meter. Pingat emas ini merupakan pingat emas pertama beliau dalam acara dan sekaligus mencatat rekod kebangsaan. Manakala pingat perak telah diraih oleh Sambath Samban dari Kemboja dengan jarak lontaran sebanyak 5.16 meter. Pingat Gangsa telah diraih oleh Tha Phannit Phannit dari Kemboja dengan jarak lontaran sebanyak 5.14 meter.

Pingat emas kedua pada hari ini juga telah berjaya diraih oleh Yang Mulia Dayang Nor Hensan binti Haji Mataha diperolehi melalui acara Discus Women F11 dengan jarak lontaran sebanyak 22.94 meter. Yang Mulia Dayang Nor Hensan telah berjaya meraih 2 pingat emas pada kejohanan kali ini. Pingat Perak diraih oleh Nyugen Thi Chin daripada Vietnam dengan jarak lontaran sebanyak 20.07meter dan pingat Gangsa diraih oleh Rosalie Wuino Torrefiel daripada Republik Filipina dengan jarak lontaran sebanyak 19.57 meter.

Manakala bagi pingat perak pertama negara telah diraih oleh Yang Mulia Awang Alihan Muda diperolehi melalui acara Shot Put Men F34 dengan jarak lontaran sebanyak 6.20 meter. Pingat emas telah diraih oleh Yang Mulia Von Van Tung dari Vietnam dengan jarak lontaran sebanyak 7.30 meter.

Tuan Yang Terutama Pengiran Kashmirhan bin Pengiran Haji Tahir, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Kemboja dan Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor, Chef de Mission telah berkesudian untuk menyampaikan pingat-pingat dan maskot-maskot kepada para pemenang.

ATLET PARA OLAHRAGA RAIH 3 PINGAT PADA TEMASYA SUKAN PARA ASEAN KE-12, 2023



Phnom Penh, Kemboja, Rabu, 18 Zulkaedah 1444/7 Jun 2023 - Atlet para olahraga meraih tiga lagi pingat pada hari ini. Pingat Gangsa telah diraih oleh Yang Mulia Awang Shari Bin Haji Jumaat, atlet Olahraga bagi kategori Men's Javelin Throw F55 dengan mencatat jarak lontaran sejauh 22.16 meter. Manakala pingat Emas telah diraih oleh Yang Mulia Kieu Minh Trung dari Vietnam dengan jarak lontaran sejauh 27.1 meter. Pingat Perak telah diraih oleh Yang Mulia Riadi Saputra dari Indonesia dengan jarak lontaran sejauh 25.69 meter.

Pingat Perak pada hari ini juga telah berjaya diraih oleh Yang Mulia Awang Raduan bin Haji Mataha diperolehi melalui acara Men's Discus Throw F11 dengan jarak lontaran sejauh 20.99 meter. Pingat Emas diraih oleh Yang Mulia Evaristo Joven Carbonel daripada Filipina dengan jarak lontaran sejauh 25.67 meter.

Manakala bagi pingat perak kedua telah diraih oleh Yang Mulia Awang Alihan Muda diperolehi melalui acara Men's Discus Throw F34 dengan jarak lontaran sejauh 18.42 meter. Pingat emas telah diraih oleh Yang Mulia Vovan Tung dari Vietnam dengan jarak lontaran sejauh 24.85 meter.

MUSABAQAH TILAWATIL QURAN BELIA KEBANGSAAN SEPARUH AKHIR



Bandar Seri Begawan, Ahad, 22 Zulkaedah 1444/11 Jun 2023 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan telah mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Peringkat Separuh Akhir Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1444H/2023M bertempat di Dewan Silaturrahim, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Aturacara majlis dimulakan dengan ucapan daripada Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosfazilah bin Haji Yusly, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan selaku Pengerusi Majlis dan diteruskan dengan penyampaian sijil kepada para peserta musabaqah peringkat separuh akhir yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis. Majlis diselajurkan dengan pengumuman keputusan musabaqah yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof selaku Pengerusi Jawatankuasa Hakim Peringkat Separuh Akhir. Manakala doa penutup telah dibacakan oleh Yang Mulia Awang Mohd Noor bin Haji Ibrahim.

Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1444H/2023M Peringkat Akhir akan diadakan pada hari Khamis, 3 Zulhijjah 1444H bersamaan dengan 22 Jun 2023M bertempat di Dewan Digadong, Bangunan KKBS.

Seramai 71 peserta iaitu 44 qari dan 27 qariah telah pun bertanding di peringkat saringan pada 10 hingga 13 Mei 2023 yang lalu. Sementara seramai 30 peserta iaitu 15 qari dan 15 Qariah telah bertanding di peringkat separuh akhir.

Manakala seramai 9 peserta iaitu 4 qari dan 5 qariah termasuk Johan Menunggu Qariah Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Tahun 2022 akan bertanding di peringkat akhir nanti.

Orang ramai terutamanya para belia boleh menyaksikan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1444H/2023M Peringkat Akhir nanti secara langsung melalui akaun rasmi Facebook Jabatan Belia dan Sukan dan Instagram @jbs.bn.

SUMBANGAN BAGI TABUNG KEMANUSIAAN GEMPA BUMI REPUBLIK TURKIYE DAN REPUBLIK ARAB SYRIA



Bandar Seri Begawan, Isnin, 23 Zulakedah 1444/12 Jun 2023. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menerima sumbangan bagi Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria dengan jumlah keseluruhan sebanyak BND9,325 daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya. Majlis berlangsung di Dewan Citra Budaya, bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir menerima sumbangan tersebut ialah Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Ajman bin Haji Meludin, Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri.

KONVENTSYEN PEMIMPIN MUDA BRUNEI BYLC 2023



Bandar Seri Begawan, Rabu, 25 Zulkaedah 1444H/14 Jun 2023 - Belia Siaga Masa Depan, dalam usaha mencapai Wawasan Belia iaitu ke arah melahirkan Belia Berakhhlak Mulia, Bertaraf Dunia Agen Siaga Perubahan Masa Hadapan Dalam Semua Pembangunan Negara Secara Inklusif, Urus Setia Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 telah meneruskan sesi Pemberigaan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 di Konvensyen Pemimpin Belia Brunei (Brunei Young Leaders Convention) 2023 yang dihadiri oleh lebih 100 orang belia.



Sesi Pemberigaan berkenaan antaralain memberikan peluang kepada pihak Urus Setia Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 untuk bertukar-tukar pandangan serta mengetahui cabaran yang dihadapi oleh para belia pada masa kini. sesi tersebut secara langsung dapat membantu pihak Urus Setia Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 khususnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam merangka hala tuju serta inisiatif yang relevan selaras dengan keperluan golongan belia sejajar dengan dasar serta Wawasan Brunei 2035.

CLOSING CEREMONY PING PONG/TABLE TENNIS



Tutong, Ahad, 29 Zulkaedah 1444/18 Jun 2023 – Persatuan Ping Pong Brunei Darussalam (BDTTA) dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di bawah kuasa yang diberikan oleh Persatuan Ping Pong Asia Tenggara (SEATTA) telah menganjurkan Kejohanan Ping Pong Belia Asia Tenggara 2023 selama enam hari bermula pada 13 hingga 18 Jun 2023 bertempat di Kompleks Sukan Tutong.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penutup Kejohanan Ping Pong Belia Asia Tenggara 2023 telah diadakan bertempat di Dewan Bankuet, Hotel The Lanes, Daerah Tutong.



Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Aturcara majlis dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat dikepalai oleh Yang Mulia Mohammad Waiz bin Tajuddin, Imam Tingkat I, Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong dan diselajurkan dengan menyaksikan Tarian Tradisional Brunei Jipin Laila Sembah. Majlis diteruskan dengan ucapan selamat datang oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Mulia Muchlis Marliono, Setiausaha Agung Persatuan Ping Pong Asia Tenggara (SEATTA) dan ucapan penutup daripada Yang Mulia Pengiran Haji Muhammad Noor bin Pengiran Haji Tajuddin, Presiden Persatuan Ping Pong Brunei Darussalam (BDTTA). Majlis diakhiri dengan penyampaian sijil penghargaan kepada para delegasi dan penaja yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis turut dihadiri oleh Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan; Yang Mulia Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri, Pemangku Pegawai Daerah Tutong; Duta-Duta Besar serta wakil-wakil kedutaan negara-negara ASEAN; dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Sebanyak 9 buah negara telah menyertai kejohanan tersebut iaitu Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Filipina, Singapura, Vietnam, Thailand dan negara tuan rumah Negara Brunei Darussalam. Manakala sebanyak 15 kategori telah dipertandingkan di kejohanan tersebut.



MUSABAQAH TILAWATIL QURAN BELIA KEBANGSAAN PERINGKAT AKHIR TAHUN 1444H/2023M



Bandar Seri Begawan, Khamis, 4 Zulhijjah 1444/22 Jun 2023 – Seramai empat qari dan lima qariah termasuk Johan Menunggu Qariah Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Tahun 2022 telah memperdengarkan bacaan masing-masing di Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1444/2023 Peringkat Akhir di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang.

Turut hadir ialah Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampong Subok; Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Aturcara majlis terlebih dahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dipimpin oleh Yang Mulia Awang Muhammad Nabil bin Haji Roslan, Pembantu Perkembangan Ugama, Pusat Pembangunan Belia yang juga membacakan Doa Selamat di akhir majlis, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Dayang Umi Kalithum binti Haji Abdul Karim, Pengarah Belia dan Sukan selaku Pengurus Majlis dan diteruskan dengan ucapan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis turut menyaksikan persembahan tausyeh belia daripada Kumpulan Ahlul Raahimin dan diselanjurkan dengan pengumuman keputusan musabaqah yang disampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit selaku Pengurus Jemaah Hakim.

Johan qari dan qariah menerima piala pusingan, piala irungan, wang tunai BND2,000.00, Akaun Tekad Haji bernilai \$500.00 sumbangan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan sijil penyertaan. Manakala naib johan dan tempat ketiga qari dan qariah masing-masing menerima hadiah wang tunai sejumlah BND1,500.00 dan BND1,000.00; Akaun Tekad Haji bernilai \$300.00 untuk naib johan dan \$200.00 untuk tempat ketiga sumbangan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) berserta piala irungan dan sijil penyertaan.

Sementara peserta qari dan qariah yang menerima hadiah saguhati membawa pulang piala iringan, wang tunai BND500.00 dan sijil penyertaan.

Edisi musabaqah pada tahun ini menyaksikan seramai 71 peserta iaitu 44 qari dan 27 qariah bertanding di peringkat saringan pada 10 hingga 13 Mei 2023. Manakala seramai 30 peserta iaitu 15 qari dan 15 qariah telah bertanding di peringkat separuh akhir pada 11 Jun yang lalu. Musabaqah ini menyasarkan belia-belia berumur di antara 15 hingga 30 tahun.

Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan merupakan program anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama dikelolakan oleh Jabatan Belia dan Sukan sejak tahun 1980-an dan telah berjaya melahirkan banyak qari dan qariah belia yang berkaliber dan seterusnya mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi. Ia juga berperanan sebagai wadah kepada qari dan qariah belia di negara ini untuk melihat keupayaan dan prestasi masing-masing khususnya dalam bidang pembacaan Al-Quran secara berlagu atau tarannum.

Selain untuk menyediakan wadah bagi melahirkan qari dan qariah belia yang berpotensi tinggi sebagai pelapis qari dan qariah Negara Brunei Darussalam, ia juga untuk mempertingkatkan mutu pembacaan Al-Quran dalam kalangan belia serta memupuk dan menyemai rasa persahabatan dalam kalangan peserta belia melalui program keugamaan, di samping itu bagi persediaan pemilihan wakil negara ke Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



MESUARAT MENTERI-MENTERI BELIA ASEAN KE-12 (AMMY XII) DAN MESUARAT ASEAN CAMPUR TIGA MENTERI-MENTERI BELIA KALI KE - 8 (AMMY+3)



Malaysia, Rabu 21 Jun 2023 – Mesuarat Menteri-Menteri Belia ASEAN Ke-12 (AMMY XII), bertemakan ‘*Mental Health Matters – You are Not Alone*’ dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Adam Adli bin Abd Halim, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Malaysia. Mesuarat berkenaan dihadiri oleh menteri-menteri ASEAN yang bertanggungjawab bagi hal ehwal belia dan Perwakilan Peringkat Tinggi serta Timbalan Setiausaha Agung Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC). Mesuarat diadakan melalui sidang video pada 21 Jun 2023.

AMMY XII dan AMMY+3 Ke-8 adalah platform untuk menteri dan Perwakilan Peringkat Tinggi serta pihak berkepentingan yang berkaitan dalam bidang hal ehwal belia untuk bertukar-tukar pandangan dan membincangkan kerjasama untuk terus memperkasa belia ASEAN dan merealisasikan visi ASEAN bagi mempersiap belia untuk masa depan dalam abad ke-21.

Para menteri mengalu-alukan penerbitan Indeks Pembangunan Belia ASEAN Ke-2 yang lebih komprehensif dan mengambil maklum perkembangan pelaksanaan Pelan Kerja Belia ASEAN 2021-2025 yang merentasi lima (5) domain Indeks Pembangunan Belia ASEAN, iaitu: (i) Pendidikan; (ii) Kesihatan dan Kesejahteraan; (iii) Penyertaan dan Penglibatan, (iv) Pekerjaan dan Peluang; dan (v) Kesedaran, Nilai dan Identiti ASEAN melalui pelbagai program yang diterajui oleh negara anggota ASEAN, Sekretariat ASEAN, Entiti ASEAN, dan rakan strategik. Para menteri juga menugaskan Mesuarat Pegawai Kanan ASEAN Belia (SOMY) untuk menjalankan Kajian Separuh Penggal Pelan Kerja Belia ASEAN 2021 – 2025 dan impaknya kepada pembangunan dan pemerkasaan belia di rantau ini. Para menteri juga menggesa pegawai kanan untuk menyediakan perancangan ASEAN Pasca 2025 berkaitan kerjasama dalam sektor belia.

Para menteri juga merakam penghargaan atas sokongan yang diberikan oleh rakan kongsi, rakan organisasi dan dialog ASEAN dalam pelaksanaan Pelan Kerja Belia *ASEAN Plus Three 2021-2025*, yang melengkapkan Pelan Kerja Belia ASEAN 2021-2025, dalam memperkasakan belia ASEAN dan menyumbang ke arah mengukuhkan persahabatan, perpaduan dan kerjasama dengan belia ASEAN dan Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea.

MESUARAT MENTERI-MENTERI BELIA ASEAN KE-12 (AMMY XII) DAN MESUARAT ASEAN CAMPUR TIGA MENTERI-MENTERI BELIA KALI KE - 8 (AMMY+3)



Semasa Mesuarat tersebut, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah berkongsi pengalaman dan amalan Brunei Darussalam dalam mencipta peluang dan memperkasakan belia. Yang Berhormat Dato menekankan:

- (i) Pengajuran **Dialog Dasar Belia** yang membenarkan penglibatan secara langsung antara penggubal dasar dan para belia yang dilaksanakan melalui beberapa platform kebangsaan seperti Kaji Selidik Kebangsaan Belia, Dialog Belia, *Town Hall Sessions*, Kongres Belia Kebangsaan dan Konvensyen Pemimpin Muda Brunei;
- (ii) Perwujudan **Peluang Ekonomi Belia**, dengan melengkapkan golongan belia dengan kemahiran dan *mind set* sebagai persiapan dalam menghadapi masa depan pekerjaan di samping galakan terhadap keusahawanan sebagai salah satu cara untuk membuka lebih banyak peluang ekonomi kepada belia; dan
- (iii) **Kesihatan Mental** yang baik seperti yang digariskan dalam pelan tindakan di bawah Strategi 1 Pelan Tindakan Kesihatan Mental Negara Brunei Darussalam 2022 – 2025 yang menekankan kepada pembangunan dasar keseimbangan kerja-kehidupan untuk semua tempat kerja serta meningkatkan kerjasama seluruh negara dan kesedaran masyarakat serta kapasiti kesihatan mental.
- (iv) Menekankan untuk memastikan bahawa inisiatif dan program kerjasama ASEAN memberikan impak yang tinggi dalam mencapai visi ke arah belia siaga masa depan dalam ekosistem yang inklusif. Yang Berhormat Dato seterusnya menggesa untuk memperkuuh kerjasama dengan badan-badan sektoral dan rakan kongsi yang berkaitan serta perwakilan belia dengan tujuan untuk mengenal pasti dan menangani isu-isu yang timbul dengan menggabungkan dasar dan program yang boleh dilaksanakan yang boleh menambah nilai kepada rancangan kerja sedia ada sektoral yang berkaitan dan program/projek belia.

Semasa mesuarat tersebut, Para Menteri Belia ASEAN dan *Plus Three Countries* (Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea) yang bertanggungjawab ke atas belia mengeluarkan Kenyataan Bersama bagi Mesuarat Menteri Belia ASEAN Ke-12 (AMMY XII) dan Penyata Bersama Menteri bagi Mesuarat Menteri Belia ASEAN *Plus Three* (8th AMMY+3).

AMMY XII dan 8th AMMY+3 telah dihadiri oleh menteri-menteri negara anggota ASEAN *Plus Three* yang bertanggungjawab terhadap belia, rakan kongsi dan pertubuhan dan Perwakilan Peringkat Tinggi seperti *Committee for ASEAN Youth Cooperation (CAYC)*, *ASEAN Institute for Peace and Reconciliation (ASEAN-IPR)*, *ASEAN Foundation*, *International Federation of Red Cross and Red Crescent Societies (IFRC)*, *United Nations Populations Fund Asia-Pacific Regional Office (UNFPA APRO)*, *UNICEF East Asia and Pacific (EAPRO)*, *ASEAN University Student Council Union (AUSCU)*, *ASEAN Youth Forum and ASEAN Youth Organization*.

Turut hadir, Yang Mulia Dr Siti Norkhalbi Haji Wahsalfelah, Pemangku Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

• • • • • • • • • • • • • • • • •

YOUTH TOWN HALL



Bandar Seri Begawan, Sabtu, 6 Zulhijah 1444 / 24 Jun 2023 - Seramai lebih dari 500 orang belia yang telah pun menghadiri "Youth Town Hall" edisi ke-6 pada kali ini yang di anjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama dengan *Young Professional Network* (YPN) dan turut di sokong oleh Kementerian Pendidikan. Acara tersebut diadakan di Jabatan Perdana Menteri.



"*Youth Town Hall*" merupakan satu platform yang ditubuhkan pada tahun 2020 bersempena dengan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam untuk menanamkan pendekatan yang berfokuskan kepada penyelesaian, pemikiran yang maju dan komuniti belia berkolaboratif yang bersemangat di dalam memberi sumbangan kepada pembangunan negara dengan memberikan peluang kepada para belia untuk berinteraksi dengan Menteri dan Pegawai Atasan. Tema bagi edisi yang ke enam ialah "Membangunkan Ekonomi Yang Inklusif Dan Dinamik Melalui Pendidikan" menyaksikan dialog bersama Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md Sallah, Menteri Pendidikan, dan pengendali forum (moderator) oleh Yang Mulia Dr. Muhammad Nuriskandar bin Mohd Hasnan, Penolong Ketua Pegawai (Belia), Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Sesi dimulakan dengan membincangkan mengenai dengan belanjawan yang mana Yang Berhormat Datin ada mengongsikan bagaimana belanjawan kementerian tersebut diperuntukkan dan dibahagikan mengikut sebagaimana Negara Brunei Darussalam menangani cabaran semasa semua sekolah-sekolah ditutup waktu pandemik dan sebagaimana pendidikan di sambung di dalam talian. Yang Berhormat Datin juga ada mengongsikan mengenai kepentingan melabur di dalam pendidikan bagi masa depan negara. Dalam perbincangan dengan belia-belia, Yang Berhormat Datin berkongsi mengenai jurang yang perlu diatasi termasuk isu sosial dan pembangunan kesejahteraan emosi untuk mempersiapkan belia kita bagi masa depan dan membangunkan pelbagai laluan sebagai sebahagian daripada inklusiviti termasuk kurikulum keperluan khas, pendidikan teknikal untuk menangani permintaan industri terhadap pembangunan kepakaran dan menggalakkan pendidikan STEAM.



Sesi tersebut diakhiri dengan nasihat oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan kepada para belia tentang kepentingan untuk menjadi kompetitif secara global, mencabar diri sendiri untuk keluar dari zon yang selesa, kepentingan membaca, bersikap proaktif untuk menyertai perkumpulan belia dan inisiatif belia, serta memiliki sikap ingin tahu antara satu dengan yang lain.



PENERIMA PINGAT INDAH KERJA BAIK (PIKB) BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KKBS



Istana Nurul Iman, Sabtu, 5 Zulhijjah 1444 / 24 Jun 2023 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menganugerahkan Pingat Kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada 390 penerima di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman sempena sambutan ulang tahun ke-76 Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Menganugerahkan pingat sebagai wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Putera Mahkota dan Menteri Kanan di Pejabat Perdana Menteri.

Tahniah kepada pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kerana menerima pengiktirafan menerusi Anugerah Pingat Indah Kerja Baik (PIKB), tahun 2023.



PELANCARAN HARI MESRA PELANGGAN 2023

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Sabtu, 6 Zulhijjah 1444 / 24 Jun 2023 – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan buat julung kalinya telah melangsungkan Majlis Pelancaran Hari Mesra Pelanggan (HMP) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bagi tahun 2023 bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah. Tema Hari Mesra Pelanggan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tahun ini ialah "Menjalin Kerjasama Dengan Masyarakat".

Hadir untuk menyempurnakan Majlis Pelancaran ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku tetamu kehormat majlis.

Aturcara majlis dimulakan dengan ucapan daripada Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Hari Mesra Pelanggan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Tahun 2023 dan diteruskan dengan ucapan serta perasmian daripada Tetamu Kehormat Majlis.

Beberapa produk dan perkhidmatan terbaharu dan penjenamaan semula telah dilancarkan; • Pelancaran Laman Web Baharu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Penaiktarafan) yang lebih interaktif, informatif, berwajah baharu dan juga disediakan dalam dwibahasa; • Pelancaran semula ikon sopan santun orang Brunei; • Pelancaran video-video pembarigaan permonhonan Elaun Penyedia Penjagaan (EPP) bagi penerima Elaun Kurang Upaya di bawah JAPEM, dan; • Pelancaran JAPEM Brew, sebuah inisiatif bagi melibatkan OKU dan residen Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) untuk terlibat dalam keusahawanan.





Adapun matlamat bagi mengadakan HMP ini ialah:

- Landasan untuk memperkenalkan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya;
- Para pelanggan dapat lebih memahami bidang tugas serta peranan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya serta mengetahui prosedur perkhidmatan yang diberikan kepada para pelanggan dengan lebih jelas; dan
- Mendapatkan maklum balas berhubung kualiti perkhidmatan yang diberikan bagi memastikan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya dapat memberikan perkhidmatan yang efisien dan mesra pelanggan.

Majlis turut dihadiri oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, rakan-rakan strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta pelajar yang dijemput khas.

Orang ramai dialu-alukan untuk menyertai aktiviti-aktiviti anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya dan mengunjungi Hari Mesra Pelanggan yang akan diadakan selama tiga (03) hari pada:

- Sabtu, 24 Jun 2023 Jam 2 petang hingga 10 Malam
- Ahad, 25 Jun 2023 Jam 9 Pagi hingga 10 Malam
- Isnin, 26 Jun 2023 Jam 9 Pagi hingga 5 Petang



LARIAN HARI OLIMPIK 2023

Bandar Seri Begawan, Ahad, 6 Zulhijjah 1444/25 Jun

2023. - Negara Brunei Darussalam melalui Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam (BDNOC) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menganjurkan Larian Hari Olimpik 2023 bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Berangkat bagi melancarkan dan menyertai acara larian tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al -Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.



Turut berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Aliyah Amalul Bulqiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiyah.



Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan beserta Ahli Jawatankuasa Kerja Larian Hari Olimpik 2023.



Acara larian didahului dengan sesi bergambar ramai bersama peserta larian, diikuti dengan senaman pemanasan badan dan pelepasan acara larian oleh Duli Yang Teramat Mulia, yang seterusnya berkenan mengambil bahagian dalam Larian Hari Olimpik 2023. Di akhir acara larian tersebut, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada 10 pemenang terbaik dari setiap kategori larian dengan pingat memperingati Larian Hari Olimpik 2023.



Larian Hari Olimpik dibahagikan kepada tujuh kategori berbeza berdasarkan jantina dan kumpulan umur yang ditetapkan iaitu Kategori 1 : 1.8km Orang Kelainan Upaya; Kategori 2 : 1.8km Lelaki 12 tahun ke bawah (U-12); Kategori 3 : 1.8km Perempuan 12 tahun ke bawah (U-12); Kategori 4 : 3km Veteran Lelaki Umur 60 tahun ke atas; Kategori 5 : 3km Veteran Wanita Umur 60 tahun ke atas; Kategori 6 : 5km Lelaki Terbuka; dan Kategori 7 : 5km Wanita Terbuka.



Seramai 1680 orang telah mendaftar bagi menyertai Larian Hari Olimpik 2023 tersebut.



Larian Hari Olimpik diadakan bersempena dengan Hari Olimpik Antarabangsa yang bertemakan 'Kekal sihat, kekal kuat, kekal aktif dengan semangat Olimpik' yang disambut seluruh dunia pada setiap 23 Jun. Larian bertujuan untuk mempromosikan peranan sukan dalam membina dunia yang aman dan lebih baik melalui larian dan aktiviti fizikal, serta mempromosikan nilai-nilai Olimpik dan untuk menghimpunkan para atlet dan peminat sukan.

MAJLIS MEMBACA SURAH YASIN DAN TAHLIL SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN BULAN BAHASA



SELASA, 08 Zulhijah 1444 | 27 Jun 2023 – Majlis Membaca Surah Yasin dan Tahlil khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan.

Bacaan Surah Yasin dan Tahlil dipimpin oleh Yang Mulia Awang Faizal bin Janip, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi. Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Menteri Pembangunan). Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Bulan Bahasa 2023, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, para penulis serta para pencinta bahasa dan sastera.

Majlis ini merupakan acara kesinambungan selepas Majlis Doa Kesyukuran dan Khatam Al-Quran yang diadakan di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka Berakas pada sebelah pagi tadi. Turut hadir, Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dua rangkaian majlis ini sebagai penanda dan pemula acara bagi Sambutan Bulan Bahasa 2023 dan kegiatan-kegiatan sempena Bulan Bahasa yang dirancang sepanjang tahun (Julai 2023 – Jun 2024). Manakala, acara kemuncak Sambutan Bulan Bahasa 2023 dengan tema "Memperkasakan Bahasa Melayu" akan berlangsung pada hari Rabu, 16 Zulhijah 1444 bersamaan 05 Julai 2023 bertempat di Ruang Legar, Pusat Beli-Belah The Mall, Gadong.



E-POSTER SEMPENA HARI RAYA AIDILADHA 1444H/2023M



Dikeluarkan oleh:

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam**

E-mel: Info@kkbs.gov.bn

Laman Sesawang: www.kkbs.gov.bn

Instagram: @kkbs_brunei

Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan